

Pengaruh Adat Resam, Kepercayaan dan Kebudayaan terhadap Pembinaan Rumah Melayu Tradisional

NOOR FAIZAH AZIZ, JAMALUDDIN MD. JAHI, KADIR ARIFIN & AZIZ UJANG

ABSTRAK

Rumah Melayu amat diutamakan bukan sahaja sebagai tempat tinggal dan kegiatan kehidupan, malah menjadi lambang kesempurnaan hidup orang Melayu. Ciri-ciri rumah tradisional Melayu bukan sahaja pada bahagian-bahagian rumah tapi juga dalam upacara, bahan, nama dan kedudukan rumah itu. Rumah tradisional Melayu merupakan kediaman keluarga, tempat bermusyawarah, tempat beradat berketurunan dan tempat berlindung. Bentuk rumah tradisional Melayu ditentukan oleh bentuk atapnya. Kunci utama untuk mewujudkan rumah dengan ciri-ciri yang diinginkan adalah musyawarah dan bergotong-royong yang diterjemahkan dalam upacara-upacara, ukuran, bahagian-bahagian dan hiasan rumah. Pelbagai upacara yang umum dilakukan sepanjang pembinaan, antaranya Beramu, Mematikan Tanah, dan Menaiki rumah. Tujuannya adalah untuk menjaga orang-orang yang terlibat dalam pembinaan rumah itu supaya memenuhi harapan, terhindar dari malapetaka dan tidak diganggu "penunggu hutan". Peralatan yang digunakan dalam upacara ini mengandungi ciri-ciri yang mempunyai maksud dan nilai-nilai dalam kebudayaan Melayu. Tempat untuk mendirikan rumah, arah rumah itu menghadap, jenis kayu yang tidak baik untuk dijadikan bahan rumah juga digariskan menurut tradisi Melayu. Ukuran binaan juga dipercayai dapat menentukan baik buruknya sebuah rumah yang diukur menggunakan anggota tubuh si pemilik seperti tinggi dan hasta, serta ukuran berdasarkan banyaknya 'kasau' dan 'gelegar'. Ukuran tinggi rumah ialah tinggi badan lelaki (suami), manakala pada ukuran besar rumah adalah ukuran tangan perempuan (isteri). Dalam rumah tradisional Melayu terdapat beberapa jenis tiang dengan nama dan fungsinya yang tertentu. Pada rumah tradisional Melayu, tangga depan, susunan anak tangga, cara mengikat tali tangga dikatakan mengandungi makna tertentu. Bendul disebut batas adat, kerana batas tetamu lelaki dibenarkan masuk apabila di rumah tersebut tidak ada lelaki. Demikianlah sekadar sepintas pandang tentang Pengaruh Adat Resam, Kepercayaan dan Kebudayaan terhadap Pembinaan Rumah tradisional Melayu.

Kata kunci: rumah Melayu tradisional, upacara, adat resam, peralatan, ukuran

ABSTRACT

Malay house is given priority not only as home and daily activities but also as perfect sign of Malay life. The characters of Malay house can be seen not only at part of the house but in rituals, materials, name and position of the house. Malay traditional house is a family home, discussion place, family tradition place and shelter. The type of house is determined by its roof shape. The key to getting ideal house is by deliberation and co-operation which are translated into rituals, measurements, parts and designs of the house. Rituals that are commonly conducted along the construction of the house named as "Beramu", "Mematikan Tanah" and "Menaiki rumah". The purpose of the rituals is to protect the constructors and people from disaster and tutelary spirit. The tools for these rituals have certain meaning and values according to Malay culture. Site of the house, orientation and timber to be used for the construction are also determined according to Malay tradition. Measurement of the building is believed to determine the destiny of the house and commonly, the measurement is done by comparing with constructor height or by amount of rafter and beam. Commonly, to measure the height of a house, height of a man (husband) is used while for area of the house, woman's (wife) hand length is used as measurement. In Malay traditional house, there are several types of pole with different name and function. In Malay traditional house, the front stairs, arrangement of stairs, the way the stairs are tied is said to have special meanings. Cross beam is also called as tradition border; the limit that a man can enter if there is no man inside the house. That is some Influence of Tradition, Belief and Culture in the Construction of Malay Traditional House.

Key words: traditional Malay house, rituals, tradition, tools, measurement

PENGENALAN

Rumah tradisional yang disebut juga sebagai seni bina Melayu, terutama rumah kediaman, pada hakikatnya amatlah diutamakan dalam kehidupan

orang Melayu. Rumah bukan sahaja sebagai tempat tinggal di mana kegiatan kehidupan dilakukan dengan sebaik-baiknya, tetapi juga menjadi lambang kesempurnaan hidup. Beberapa ungkapan tradisional Melayu ada menyebutkan hakikat rumah sebagai

“cahaya hidup di bumi, tempat beradat berketurunan, tempat berlabuh kaum kerabat, tempat singgah dagang lalu, hutang orang tua kepada anaknya”.

Itulah pentingnya kenapa pembinaan rumah harus mempertimbangkan berbagai perkara dengan cermat, dengan menitikberatkan ciri-ciri yang merupakan refleksi nilai budaya masyarakatnya. Hanya dengan cara demikianlah, rumah itu akan benar-benar dapat memberikan kesempurnaan lahir dan batin bagi penghuni rumah itu dan bagi masyarakat sekitarnya.

Ciri-ciri yang berkaitan dengan rumah tradisional Melayu bukan sahaja terdapat pada bahagian-bahagian dan corak-corak ukiran rumah itu tapi juga dalam bentuk berbagai upacara, bahan dan nama-namanya, serta kedudukan rumah itu. Dengan peredaran zaman, ciri-ciri tersebut di atas tidak mudah untuk dikekalkan sehingga sekarang. Pelbagai pengaruh budaya juga harus dipertimbangkan. Terlalu banyak nilai-nilai tradisional yang dimiliki oleh suatu masyarakat telah diabaikan dan hilang disebabkan perbezaan dan perubahan nilai budaya yang terjadi akibat arus masa yang sangat cepat peredarannya.

Nilai budaya Melayu umumnya berpunca dari aspek yang dominan, iaitu agama Islam, adat dan tradisi Melayu. Adat dan tradisi yang kian beransur-ansur dilupakan menyebabkan nilai-nilai asli semakin hilang. Dalam seni rumah tradisional, perbezaan serta perubahan sangat jelas kelihatan. Rumah-rumah yang bercirikan tradisional semakin berkurangan, ciri-ciri yang terkandung padanya juga hampir tidak lagi dikenali oleh masyarakat.

Musyawarah, upacara dan gotong-royong dalam pelaksanaan mendirikan rumah telah diabaikan. Pemilihan dan penentuan tapak rumah itu pun tidak lagi dikaitkan dengan kepercayaan masyarakat. Bentuk dan ukuran rumah yang dibina kebanyakannya lebih mengikut arus kemodenan masa kini. Bahan-bahan binaan yang terdapat di pasaran hampir kesemuanya mempamerkan ciri moden. Ciri tradisi pula kini bergantung hanya kepada permintaan sahaja, termasuklah bahan hiasan dan sebagainya.

Lain pula ragamnya di kawasan kampung, rumah-rumah tradisional masih banyak kelihatan, malah masih terdapat pemiliknya atau orang tua-tua di situ walaupun sudah tidak ramai yang mengetahui makna ciri-ciri pada rumah-rumah tersebut. Walaupun masih ada tukang rumah yang masih dapat membuat rumah yang berpola tradisional, mereka kurang mengetahui tentang maksud yang terkandung pada ciri-ciri tersebut.

FUNGSI, MAKSUD DAN BENTUK RUMAH

Setiap bangsa dan suku bangsa di dunia ini memiliki bentuk rumah, fungsi dan maksud rumah tradisional sebagai ciri khususnya mengikut budaya dan adat resamnya, di samping nilai-nilai universal yang terkandung padanya. Demikian pula halnya dengan orang Melayu. Bahkan wilayah Melayu yang besar itu mempunyai persamaan dan perbezaan bentuk rumah, fungsi dan maksud rumah tradisional jika diperhatikan atau dikaji dengan lebih mendalam.

Rumah tradisional Melayu adalah suatu bangunan yang utuh, yang dapat dijadikan tempat kediaman keluarga, tempat bermusyawarah, tempat beradat berketurunan, tempat berlindung bagi siapa sahaja yang memerlukannya. Menurut tradisi, orang Melayu percaya kepada empat cahaya di bumi yang terdiri dari rumah tangga, ladang “bertumpuk”, beras padi, dan anak muda-muda (Tenas Effendy 2005). Cahaya pertama iaitu rumah tangga hendaklah dipelihara sebaik-baiknya dengan dibatasi oleh adat atau tradisi yang menjadi amalan masyarakatnya.

Kerana luasnya kandungan makna dan fungsi rumah dalam kehidupan orang Melayu, malah menjadi kebanggaan dan memberikan kesempurnaan hidup, perancangan dan pembinaan rumah hendaklah didirikan dengan tata cara perbuatan yang sesuai dengan ketentuan adat yang telah diketahui oleh semua masyarakatnya. Dengan berpandukan tata cara dan peraturan adat resam yang tertib itu, barulah rumah itu dapat disebut “Rumah sebenar Rumah”.

Bentuk rumah tradisional Melayu biasanya ditentukan oleh bentuk atapnya, seperti “Atap Belah Bumbung”, “Atap Limas” dan “Atap Lontik”. Rumah yang perabungnya lurus di pertengahan puncak atap, dengan kedua belah sisi atapnya curam ke bawah seperti huruf ‘V’ terbalik disebut “Atap Belah Bumbung”, “Bumbung Melayu” atau “Rabung Melayu”. Kalau atapnya curam sekali disebut “Lipat Pandan”, sebaliknya jika mendatar disebut “Lipat kajang”. Jika pada bawah atap umpamanya diberi tambahan atap lain, ini disebut “Atap Labu”, “Atap Layar”, “Atap Bersayap” atau “Atap Bertinggam” (Tenas Effendy 2005).

Jika perabung atap rumah itu sejajar dengan jalan raja, orang Melayu menyebutnya “Rumah Perabung panjang”. Sebaliknya jika terletak tidak sejajar disebut pula “Rumah Perabung Melintang”. Jika perabung rumah itu melentik ke atas pada kedua hujungnya, dinamakan orang “Rumah Lontik”, “Rumah Pencalang” atau “Rumah Lancang”, kerana bentuk hiasan pada kaki dinding di depan dan belakang

seperti bentuk perahu. Jika atap Rumah Lontik ini bertingkat, disebut “Rumah Gorai” atau Gerai.

Rumah atap limas yang diberi tambahan di bahagian muka dan belakang dengan atap lain yang berbentuk limas pula disebut “Limas Penuh”. Tapi jika atap tambahan itu berbentuk Belah Bumbung, rumah itu disebut “Limas Berabung Melayu”. Rumah tersebut di atas umumnya berbentuk persegi panjang, jarang sekali bujur sangkar.

CIRI-CIRI DALAM RUMAH MELAYU

Setiap orang yang ingin membina sebuah rumah menginginkan sebuah rumah mengikut cita rasanya. Kunci utama untuk menghasilkan rumah dengan ciri-ciri reka bentuk dan seni bina yang diinginkan adalah dengan mengadakan musyawarah. Sebab itulah langkah pertama sebelum mendirikan sesebuah rumah ialah melakukan musyawarah, baik antara keluarga ataupun dengan melibatkan anggota masyarakat sekelilingnya. Musyawarah itu biasanya membicarakan tentang jenis rumah yang akan didirikan, kegunaannya, bahan-bahan yang diperlukan, pemilihan dan kedudukan tapak, tukang yang akan membina rumah tersebut dan bila pembinaan itu akan dimulakan. Dalam musyawarah itu dijelaskan pula segala pantang dan larangan, adat dan kebiasaan yang harus dilakukan dengan tertib sebelum, semasa dan selepas pembinaan rumah itu kelak.

Seseorang anggota masyarakat yang mendirikan rumah tanpa mengadakan musyawarah akan dianggap sebagai seorang yang “kurang adab” atau “tak tahu adat” (Tenas Effendy 2005). Perkara ini seharusnya dielakkan kerana ingin menjaga hati masyarakat di sekeliling rumah yang bakal dibina. Dikhuatiri orang tua-tua akan merasa dilangkahi dan orang muda-muda merasa ditinggalkan. Rumah yang didirikan tanpa musyawarah terlebih dahulu akan menyebabkan pemiliknya mendapat kritikan atau diperkatakan oleh masyarakat, menyebabkan rumah itu sendiri dianggap “gawal” atau “sewal” iaitu, dipercayai mendatangkan nasib malang atau malapetaka.

Ciri-ciri yang terbit hasil daripada aktiviti musyawarah dan bergotong-royong berkenaan dengan rumah tradisional Melayu tergambar dengan jelas dalam upacara-upacara, ukuran, bahagian-bahagian rumah dan hiasannya.

Upacara

Amalan adat resam dan budaya amat dititikberatkan sebelum, semasa dan selepas pembinaan sesebuah rumah dalam masyarakat Melayu. Mendirikan rumah secara tradisional memerlukan pelbagai upacara supaya memenuhi harapan pemiliknya dan terhindar dari malapetaka sama ada kepada pemiliknya atau semua orang terlibat dalam pembinaannya. Upacara-upacara yang umum dilakukan sepanjang pembinaan ini ialah Beramu, Mematikan Tanah, dan Menaiki rumah. Upacara “Beramu” disebut “Mendarahi kayu”, “Meramu” atau “Membahan”. Upacara ini dipercayai, tujuannya adalah untuk menjaga orang-orang yang terlibat dalam pembinaan rumah itu supaya tidak mendapat gangguan dari “penunggu hutan” (Tenas Effendy 2005).

Upacara ini disebut “Mendarahi kayu” kerana pawang yang memimpin upacara ini terlebih dahulu menyiram kayu yang akan ditebang dengan darah ayam, sebelum ditepung-tawar. Darah ayam yang disiram ke pangkal pohon itu melambangkan sebatinya darah manusia dengan darah segala makhluk dalam hutan itu sehingga mereka tidak akan mengganggu orang-orang tersebut. Ciri-ciri yang terdapat dalam upacara ini mencerminkan sikap orang Melayu yang senantiasa menghormati orang lain dan selalu ingin menjalin persahabatan dan persaudaraan dengan sesiapa sahaja di muka bumi ini tanpa mengira perbezaan yang ada.

Upacara “Mematikan Tanah” dipercayai bertujuan untuk membersihkan tanah tempat rumah akan didirikan dari segala makhluk halus yang mendiaminya sebelum rumah itu ditegakkan. Biasanya, upacara ini dilakukan dengan menyembelih binatang ternakan bergantung kepada kemampuan. Jika upacara ini dilakukan secara besar-besaran, maka seekor kerbau akan disembelih, jika dilakukan secara sederhana seekor kambing, atau setidaknya tidaknya menyembelih seekor ayam.

Peralatan yang dipakai dalam upacara ini mengandungi ciri-ciri yang mempunyai maksud tertentu jika dikaitkan dengan nilai-nilai dalam kebudayaan Melayu, iaitu:

1. Kain Compo Tengkuluk Godang, iaitu sejenis selendang yang terdiri dari 3 atau 5 atau 7 warna untuk diselipitkan pada Tiang Tua. Kain melambangkan ibu rumah tangga yang akan mendiami rumah itu, sedangkan ‘penyelimut’ pada tiang menggambarkan kasih sayangnya kepada suami, anak-anak dan keluarganya. Warna-warna kain itu mempunyai maksud, iaitu

- merah sebagai lambang persaudaraan, hitam untuk keberanian, hijau untuk kesuburan atau bertunas, biru untuk kebahagiaan, putih untuk kesucian atau putih hati seperti kapas, kuning untuk kekuasaan.
2. Sirih setangkai, yang melambangkan penghormatan kepada masyarakat yang turut membantu mendirikan rumah tersebut.
 3. Benih kelapa dua jurai yang melambangkan hubungan berkeluarga dan berketurunan.
 4. Mayang pinang satu jurai, yang melambangkan kecantikan dan keserasian hidup dalam rumah tangga.
 5. Payung, melambangkan tempat berlindung bagi sesiapa sahaja yang memerlukannya.
 6. Kain panji dan umbul-umbul sebagai lambang keragaman suku kaum yang ada dalam masyarakat yang telah turut mengerjakan rumah itu.
 7. Alat muzik celempong, tetawak dan gendang yang melambangkan kegembiraan dan kebahagiaan.
 8. Satu set peralatan tepung tawar yang terdiri dari:
 - a. Daun setawar yang bererti ubat segala bisa
 - b. Daun sedingin untuk mendinginkan kepala panas, menyejukkan hati dan berlapang dada.
 - c. Daun ati-ati yang bermaksud bijak berkata-kata dan baik tingkah laku.
 - d. Daun gandarusa untuk penangkal malapetaka dari luar.
 - e. Bedak limau untuk membersihkan jasmani dan rohani.
 - f. Air percung yang mengandungi maksud ikhlas dan rela berkorban.
 - g. Beras kunyit, beras basuh dan bertih yang mengandungi maksud keselamatan, kemakmuran dan kesucian hati.
 9. Perbara dan kemenyan sebagai tanda persahabatan dengan segala makhluk dan pemberitahuan ajakan dan pernyataan bahawa di tempat itu diadakan upacara.
 10. Limau purut, penyembuh segala penyakit, tangkal penolak bala.
 11. Haiwan sembelihan untuk “semah” atau sedekah kepada makhluk di sekitar tempat itu.
 12. Tahi besi dan besi berani sebagai lambang kekuatan, kebulatan hati dan daya pikat dalam pergaulan.
 13. Lumpur laut atau lumpur tanah bekas perumahan keluarga yang tertua, yang melambangkan kelembutan, tidak kaku dan kekal abadi.
 14. Inggu untuk menolak makhluk halus yang jahat.

15. Daun juang-juang sebagai lambang hidup dan mati serta tangkal sihir.
16. Tunam, iaitu semacam obor dari kulit kayu dan damar, melambangkan cahaya, seri atau rumah tangga yang terang benderang.

Upacara “menaiki rumah” bertujuan sebagai ucapan terima kasih dari pemilik rumah itu kepada orang-orang yang telah turut membantu menyiapkan rumahnya. Kadang-kadang upacara ini diikuti oleh kenduri atau makan bersama yang didahului doa selamat.

KEDUDUKAN RUMAH

Tradisi orang Melayu ada mengatakan beberapa peraturan dan panduan untuk menentukan kedudukan tapak rumah yang bakal dibina (Abdul Rahman Al-Ahmadi 2001). Tempat yang baik untuk mendirikan rumah menurut tradisi Melayu:

1. Di atas tanah liat kuning dan hitam. Dipercayai bahawa penghuninya tidak akan diserang penyakit jerih, pitam dan sawan babi.
2. Di atas tanah datar. Penghuni akan selalu tenang hidupnya dan disenangi dalam pergaulan.
3. Di atas tanah yang condong ke belakang. Penghuninya tak akan kekurangan rezeki.
4. Di atas tanah belukar. Penghuni akan mendapat rezeki yang halal, bebas dari gangguan hantu dan makhluk halus lain.
5. Dekat dengan sumber air. Penghuninya akan mendapat rezeki melimpah.

Tempat yang tidak terlalu buruk adalah:

1. Di atas tanah dusun atau kebun yang belum ada tanaman atau tanaman keras. Penghuni tidak akan melarat hidupnya, tidak pula rezekinya melimpah.
2. Di atas tanah bercampur pasir. Penghuni akan terhindar dari penyakit sampar.
3. Di atas bekas perumahan lama. Penghuni akan mendapat nasib seperti pemilik rumah lama itu.
4. Di atas tanah terbuang atau terlantar. Penghuninya akan bernasib lebih baik dalam hidup jika “sial” tanah itu dibuang.

Tempat yang dipantangkan pula adalah:

1. Di atas tanah gambut. Penghuni akan menderita penyakit tulang.
2. Di atas tanah perkuburan. Penghuni akan diganggu oleh hantu atau diserang berbagai penyakit.

3. Di atas bekas orang mati berdarah. Penghuninya akan mendapat bala dan diganggu oleh hantu orang mati di situ.
4. Di atas tanah bekas orang mati kerana penyakit sampar. Penghuni akan mendapat nasib yang sama.
5. Di atas tanah “tahi burung” iaitu tanah berlekuk-lekuk. Penghuni akan mendapat penyakit bubul.
6. Di atas tanah “berbusut” dan “beranai-anai”. Penghuni akan melarat.
7. Di atas tanah wakaf. Penghuninya akan ditimpa kutukan.
8. Di atas “lidah tanah” iaitu tanah yang membusut panjang. Penghuni tidak akan kekal mendiami rumahnya.
9. menggunakan kayu ini dipercayai akan bercerai dengan keluarganya.
6. Kayu bekas tebang orang. Rumah yang dibuat dengan kayu ini, penghuninya akan cepat berpisah.
7. Kayu yang ketika ditebang, tumbangannya tidak langsung ke arah tanah. Rumah yang dibuat dari kayu ini akan mendatangkan bahaya kematian bagi penghuninya.
8. Kayu yang akarnya menjulur ke air. Rumah yang dibuat dengan kayu ini akan menyebabkan penghuninya mendapat nasib malang.
9. Kayu bekas terbakar. Rumah yang dibuat dengan kayu ini akan menyebabkan penghuninya menderita kemiskinan dan berbagai penyakit.

ORIENTASI RUMAH

Setelah memilih tempat atau tapak rumah yang baik, seterusnya harus dipertimbangkan arah rumah itu menghadap. Untuk itu seni binaan Melayu mempunyai beberapa petua iaitu:

1. Menghadap ke utara. Baik sekali, mendatangkan banyak rezeki, jarang ditimpa penyakit dan hidup dalam keadaan mencukupi.
2. Menghadap ke timur. Baik sekali, penghuni akan mendapat rezeki, jauh dari segala macam penyakit.
3. Menghadap ke barat. Tidak baik, penghuni selalu diserang penyakit panas dan tidak tenteram.
4. Menghadap ke selatan. Nasib tidak menentu, kadang-kadang baik, kadang-kadang tidak baik.

MEMILIH BAHAN BINAAN RUMAH

Sastera lisan orang tua-tua ada mengungkapkan bahawa ada beberapa petunjuk tradisional tentang beberapa jenis kayu yang tidak baik untuk dijadikan bahan rumah iaitu:

1. Kayu yang dililit dengan akar. Kayu ini menyebabkan rumah sering dinaiki ular atau penghuninya mendapat kesulitan.
2. Kayu yang berlubang oleh kumbang atau kayu yang berlubang di tengahnya.
3. Kayu yang sedang berpucuk muda. Kayu ini menyebabkan penghuni rumah sakit dan sulit mendapat rezeki.
4. Kayu yang batangnya berpilin. Kayu ini akan menyebabkan penghuni rumah mendapat fitnah.
5. Kayu tunggal iaitu kayu yang jenisnya hanya ada sebatang di suatu tempat. Penghuni yang

UKURAN BINAAN RUMAH

Suatu rumah yang bakal dibina akan kelihatan menarik dan indah sekiranya diukur dan dibina dengan sekata dan tertib. Ukuran binaan juga dipercayai dapat menentukan baik buruknya sebuah rumah. Secara tradisional, cara untuk mengukur ialah dengan menggunakan ukuran anggota-anggota tubuh si pemilik seperti tinggi dan hasta, serta ukuran berdasarkan banyaknya ‘kasau’ dan ‘gelegar’ (Tenas Effendy 2005).

Tinggi rumah yang paling baik dari aras tanah ialah dengan tinggi “sepemikulan” atau setinggi bahu, yang bermaksud beban hidup dapat dipikul sepenuhnya oleh pemiliknya (Abdul Rahman Al-Ahmadi 2001). Jika tinggi rumah itu “sejunjungan”, iaitu setinggi puncak kepala pemiliknya, juga bermaksud baik. Jika tinggi rumah itu “sepejangkauan”, juga bermaksud baik kerana dipercayai pemiliknya dapat menjangkau segala keperluan rumahtangga serta mencapai cita-cita.

Jika rumah itu setinggi mulut, itu bermaksud tidak baik. Ini bermaksud pemiliknya akan menjadi rakus dan boros serta kerap bertengkar dengan jiran tetangga di sekitar. Jika tinggi rumah itu “selutut”, bermaksud sangat tidak baik juga kerana pemiliknya di anggap tak tahu adat serta akan berada dalam kemiskinan. Jadi, ketinggian sesebuah rumah itu dari aras bumi dipercayai sangat mempengaruhi untung nasib sesebuah keluarga yang menghuni sesebuah rumah tersebut.

Kalau pada ukuran tinggi rumah yang menjadi ukuran ialah tinggi badan lelaki (suami), manakala pada ukuran besar atau keluasan rumah diutamakan ukuran tangan perempuan (isteri) (Abdul Rahman Al-Ahmadi 2001). Sebagai contoh, untuk mengukur

besar rumah yang tepat, seutas tali yang panjangnya hasta pertama (satu hasta), yang juga disebut ular berang yang bermaksud tidak baik kerana rumah yang ukurannya jatuh pada hasta pertama ini akan terjadi sengketa di dalamnya. Hasta kedua disebut meniti riak yang juga bermaksud tidak baik kerana penghuninya akan menjadi sombong. Hasta ketiga disebut riak meniti kumbang berteduh yang bererti baik sekali kerana penghuninya akan mendapat ketenteraman kerana rezeki melimpah, tempat bernaung keluarga dan masyarakat sekitarnya.

Hasta keempat disebut habis hutang berganti hutang yang bermaksud tidak baik kerana penghuninya akan menderita kerana berhutang. Hasta kelima disebut hutang lalu tidak “terumbuh” yang bermaksud tidak baik kerana berhutang dan penghuni rumah ukuran itu akan bertambah miskin bila mendiaminya (Mokhtar Hj. Ismail 1992).

Ada lagi cara yang disebut sebagai “bilang kasau” juga diserahkan kepada perempuan (isteri). Tapi ukurannya disebut “Setulang” iaitu sepanjang hujung siku hingga ke hujung buku jari terenggam. Tulang pertama disebut “kasau” yang bermaksud baik, membawa kebahagiaan zahir dan batin. Tulang ketiga disebut “rebe” yang bermaksud selalu diancam oleh bahaya dan jaringan. Tulang keempat disebut “api” yang bermaksud sering terjadi perselisihan dan pertengkaran serta mungkin juga terbakar (Abdul Rahman Al-Ahmadi 2001).

“Bilang gelegar” sama caranya dengan mengukur kasau. Tulang pertama disebut gelegar yang baik sekali maksudnya kerana ukuran ini dikatakan membawa kesejahteraan dan kebahagiaan. Tulang kedua disebut “geligi” yang bermaksud tidak baik kerana penghuni akan selalu sakit, mendapat nasib malang dan kesusahan. Tulang ketiga disebut “ulur” maksudnya tidak baik kerana mendatangkan kesusahan dan kemelaratan. Tulang keempat disebut “bangkai” yang bermaksud sangat tidak baik iaitu membawa malapetaka dan bahaya maut bagi penghuninya.

Tiang

Dalam rumah tradisional Melayu terdapat beberapa jenis tiang seperti “Tiang seri” iaitu tiang yang terletak pada keempat sudut rumah induk. Tiang seri dipacak lebih dulu dari lain-lain tiang utama, dan sebagai memberi seri dan semangat, maka pada pangkal kaki tiang akan dibubuh logam seperti emas, serbuk besi ataupun duit syiling (N.A. Halim. 2001). Tiang Penghulu ialah yang terletak di antara pintu muka

dengan Tiang Seri. Tiang Tua ialah tiang yang terletak pada deretan kedua sebelah kiri dan kanan pintu tengah. Tiang Tengah ialah tiang-tiang yang terdapat di sekeliling rumah induk. Tiang Dua Belas adalah gabungan dari 4 buah tiang seri, 4 buah tiang tengah, 2 buah tiang tua, 1 buah tiang penghulu dan 1 buah tiang bujang.

Selain dari tiang-tiang utama tersebut di atas terdapat pula tiang-tiang pembantu iaitu, tiang tongkat, tiang sokong dan “tiang sula” atau “tiang banga”. Bentuk semua tiang itu ada yang bulat dan ada yang bersegi.

Tangga

Pada rumah tradisional Melayu, tangga merupakan ciri yang sangat penting kerana binaan rumah yang berlantai tinggi menyebabkan keperluan untuk tangga itu sangat diutamakan. Tangga depan dikatakan mengandungi makna tertentu mengikut ciri-ciri binaan yang ditunjukkan (N. A. Halim. 2001). Terdapat dua jenis tangga yang biasa dibina. Jenis yang pertama ialah tangga bulat, iaitu tangga yang dibentuk bulat. Tangga jenis ini, dibuat dari kayu bulat yang juga dikenali sebagai tangga bertanggam. Tangga yang kedua adalah “tangga picak”, iaitu tangga berbentuk pipih yang dibuat dari papan lebar.

Susunan anak tangga dan cara mengikat anak-anak tangga itu menggunakan tali dari bahagian-bahagian induk mengandungi makna-makna tertentu menurut tradisi seni bina rumah Melayu. Umpamanya pangkal kayu anak-anak tangga haruslah diletakkan di sebelah kanan tangga.

Ikatan tangga haruslah dibuat secara khusus yang disebut lilit selari atau “belit bercengkam”. Cara mengikat dikatakan seperti itu kerana ikatan talinya tak boleh terputus-putus bermula dari anak tangga paling atas sampai ke anak tangga paling bawah. Bahagian yang disebut leher tangga seperti tersangkut di atas bendul pintu menggambarkan kasih sayang ibu bapa (Abdul Rahman Al-Ahmadi 2001).

Bahagian yang disebut kepala tangga bersandarkan ke “janang pintu” melambangkan ketua rumah tangga yang senantiasa menjaga martabat keluarganya. Juga hitungan jumlah anak-anak tangga dalam rumah tradisional Melayu ada maksud tertentu.

Bendul dan Lain-lain

Bendul atau bendul pintu kadang-kadang disebut juga batas adat, kerana bendul itulah batas tempat

seseorang tetamu lelaki dibenarkan masuk apabila di rumah tersebut tidak ada orang lelaki. Tetamu hanya dibenarkan duduk di bendul muka dengan sebelah kaki berjuntai di anak tangga (N. A. Halim. 2001).

Dalam rumah yang tiada bilik kekal, bendul dijadikan sekatan atau batas yang biasanya ditutup dengan tabir. Selain bendul, gelegar, pintu, jendela, kasau, alang dinding, bilik, anjungan, lubang angin, bidai, atap dan ruangan, juga ada disebut dalam ungkapan tradisional atau sastera lisan tentang perkara penting binaan rumah Melayu.

PENUTUP

Demikianlah sekadar sepintas pandang tentang pengaruh adat resam, kepercayaan dan kebudayaan terhadap pembinaan rumah tradisional Melayu. Mungkin ada banyak lagi kepercayaan dan kebiasaan yang mempengaruhi binaan rumah Melayu yang tidak dapat dikupas, namun perbezaan fahaman dan adat resam memungkinkan pelbagai variasi binaan ini. Ini memerlukan penerokaan dan kajian lanjut yang lebih mendalam.

RUJUKAN

- Abdul Halim Nasir. 1986. *Ukiran Kayu Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Abdul Halim Nasir & Wan Hashim Wan Teh. 1997. *Warisan Seni Bina Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Latiff Abu Bakar. 2005. *Konsep dan Jati Diri Rumah Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.
- Abdul Rahman Al-Ahmadi. 2001. *Seni Bina Tradisi: Tinjauan Dari Sudut Etnis Dan Antropologi*. Dlm. Koleksi Kertas Kerja: Seminar Senibina 2001. Melaka: IKSEP.
- Maruwiah Ahmat. 2012. *Seni bina warisan*. Shah Alam: Get Smart Publication Sdn. Bhd
- Mohd Taib Osman. 1988. *Kebudayaan Melayu dalam Beberapa Persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia,
- Mohd Zulkifli Abdul Aziz. 1985. *Pengenalan Rumah Tradisional Melayu Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Loyal Press Sdn. Bhd.
- Mokhtar Hj Ismail. 1992. *Rumah Tradisional Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Kesatuan Muzium Malaysia dan Muzium Negara.
- N. A. Halim. 2001. *Rumah Serambi Melaka*. Dlm. Koleksi Kertas Kerja: Seminar Senibina 2001. Melaka: IKSEP
- Nor Azuridah Bt Manzur Husain. 1998. *Seni Bina Rumah Tradisi Melayu Melaka*. Melaka: Jabatan Akademi Seni Melaka, Institusi Teknologi Seni Malaysia.
- Tenas Effendy. 2005. *Falsafah Dalam Seni Bina Melayu*. Pekan Baru: Lembaga Adat Melayu Riau.
- Yaakub Idrus. 1996. *Rumah Tradisional Negeri Sembilan*. Petaling jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Zulkifli Hanafi. 1996. *Pembinaan Bangunan Tradisional Melayu*. Amber Solara Publication.
- Noor Faizah Binti Aziz
Pelajar Sarjana
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: eizla_greenlife@yahoo.com
- Jamaluddin Md. Jahi, Ph.D.
Felo Utama
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: jamalmj1949@gmail.com
- Kadir Arifin, Ph.D.
Profesor Madya
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: kadir@ukm.edu.my
- Aziz Ujang, M.Env.Mgmt.
Pelajar Ph.D.
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: azizujangmlka@yahoo.com

